

**PETIKAN TITAH**

"BETA penuh yakin, bahawa apa yang telah dirintis oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah jalan yang betul serta sesuai untuk diikuti dan ditiru oleh manusia di semua peringkat zaman." - Titah sempena Sambutan Maulud Nabi

**MANISNYA IMAN**

"DEMI sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan balasan baik pada Hari Akhirat dan mengingati Allah (dalam susah dan senang)." - Surah

**Rabu**

20 April, 2005

**11 Rabiulawal 1426**

Tahun 50 Bilangan 16

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Teropong](#)[Bicara IT](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Menjana Kesihatan  
Biskita](#)[Sari Pembangunan](#)[Serikandi](#)[Sukan Perpaduan  
Negara-negara Islam](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Jawatan  
Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

REPUBLIK Indonesia akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Konferensi Asia Afrika (KAA) yang akan diadakan di Balai Sidang Jakarta (JCC) pada 22 - 23 April diikuti Peringatan 50 Tahun Konferensi Asia Afrika pada 24 April 2005 di Bandung. Persidangan itu bertema 'Menggelorakan Kembali Semangat Bandung Melalui Kemitraan Strategis Asia Afrika' (Reinvigorating The Bandung Spirit : Working Towards A New Asian - African Strategic Partnership) dan dijangka mengeluarkan 'Declaration On The New Asian African Strategic Partnership (NAASP)'. Konferensi Asia Afrika (KAA) di Bandung pada 24 April 1955 melahirkan Dasa Sila Bandung (The Ten Principles of Bandung) yang antara lain menghormati persamaan hak dan derajat, tidak campur tangan, menghormati kedaulatan dan integriti

**HALUAN**

**TITAH** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutup Musabaqah Tilawatil quran Belia Asia Tenggara Kali Ke-3 pada 8 April 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

## BELIA PERLU PROAKTIF, KAYA DENGAN WAWASAN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana sekali lagi berpeluang untuk menghadiri Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara ini yang melibatkan qari dan qariah belia di rantau Asia Tenggara.

Kemegahan serta mutu musabaqah ini tentunya akan meningkat, baik dari sudut prestasi bacaan para qari dan qariah, mahupun dari sudut perlaksanaannya memandangkan ini adalah kali ketiga negara kita mengunghayahkan sebagai sumbangan kita ke arah mewujudkan semangat kebersamaan yang lebih terarah di kalangan para belia di rantau Asia Tenggara.

Dalam konteks serantau, musabaqah ini dapat berfungsi sebagai wasilah ke arah memupuk persefahaman, kerjasama dan persahabatan di kalangan belia yang datangnya dari pelbagai budaya, etnik dan kepercayaan. Ianya perlu dilihat dari perspektif serantau yang dinamik sebagai katalis toleransi dan hormat-menghormati dalam hidup berjiran dan bernegara.

Beta yakin melalui kegiatan belia yang terarah seperti Musabaqah Tilawatil Quran ini, golongan belia rantau Asia Tenggara akan lebih peka dan responsif serta memiliki tekad dan matlamat yang kukuh bagi melahirkan sebuah rantau yang aman, damai dan makmur serta terhindar daripada sebarang pergesehan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, beta ingin mengingatkan golongan belia di negara ini, bahawa mereka adalah sebahagian daripada ang-

gota masyarakat negara antarabangsa (international community of nations). Oleh itu, musabaqah ini adalah merupakan upaya kita bagi menyumbang dan melakar satu peranan positif dalam arena kerjasama serantau dan antarabangsa. Kalau dulunya, cara kita berfikir ialah pada takut kedaerahan, maka sekarang golongan belia di negara ini mesti memiliki 'mind-set' terbuka, proaktif dan kaya dengan wawasan. Dan untuk berinteraksi, berdialog, bertukar-tukar fikiran dengan rakan-rakan di arena serantau dan antarabangsa, golongan belia kita juga mestilah berilmu dan literate : literate budaya, literate sastera, literate bahasa, literate adat dan seumpamanya. Tanpa ilmu, golongan belia kita tidak akan sampai ke mana dan tidak akan menjadi 'regional player' apatah lagi 'global player'.

Untuk menjadi 'regional player' atau 'global player', golongan belia di negara ini mestilah berkemampuan berfikir dan bertindak menurut parameter politik dan diplomasi 'regional' atau 'global'. Dengan kesedaran demikian itu, sumbangan belia-belia kita di arena serantau dan antarabangsa akan lebih bermakna dan status mereka juga bukan lagi seperti 'melukut di tepi gantang', masuk tak menambah, keluar tak mengurang, tetapi mereka berperanan besar sebagai 'problem identifier', 'programme solvers' dan 'strategic brokers'.

Beta juga ingin melihat di negara ini kewujudan belia MIB, siapa yang akan membawa sinar kebahagiaan, kesejahteraan dan kerukunan hidup yang sebenar-benarnya dalam masyarakat dan keluarga. Pendekatan kita ialah belia yang bertanggungjawab serta berakhlak mulia, di mana dengan tangan-tangan mereka itu diharapkan untuk menangani gejala-gejala sosial yang negatif yang boleh mengancam upaya kita membangun negara.

Alhamdulillah, melalui usrah belia rantau Asia Tenggara ini, kita telah meletakkan aktiviti kebeliaan pada Tilawah Kitab Suci Al-Quran yang beta yakin tidak akan menimbulkan - walau sedikit pun - pergesehan atau kecurigaan kerana Al-Quran itu menyeru kepada kebaikan dan menolak kemungkaran.

Akhirnya, beta mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat mengunghayahkan musabaqah ini. Dan tahniah juga kepada semua qari dan qariah belia rantau Asia Tenggara, semoga Allah sentiasa merahmati mereka dengan taufik dan hidayat-Nya, amin.

Wabillahir Taufik Wal-hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.